

SOALAN LAZIM (FAQ) PEMBIAYAAN DI BAWAH SKIM KREDIT MIKRO SARAWAK (SKMS)

NO	SOALAN	JAWAPAN
1	Apakah tujuan pembiayaan dan sektor yang layak memohon?	<p>Tujuan pembiayaan adalah untuk membantu golongan B40 dan usahawan mikro, kecil dan sederhana yang bermastautin dan beroperasi di Sarawak melalui pembiayaan perbelanjaan modal (CAPEX) dan modal pusingan.</p> <p>Sektor pertanian (kecuali sektor pertanian utama/primer) dan sektor bukan pertanian merangkumi kategori perniagaan pemprosesan, pembuatan dan perkhidmatan adalah layak untuk memohon.</p>
2	Siapakah yang layak memohon dan apakah jenis skim yang ditawarkan?	<p>Pemohon mestilah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Warganegara Malaysia Kelahiran Sarawak; ii. Bagi permohonan individu/milikan tunggal, pemohon haruslah tidak melebihi had umur 60 tahun dan pembiayaan bersama dibenarkan bagi pemohon yang melebihi had umur; iii. Perniagaan beroperasi di dalam Negeri Sarawak; iv. Perniagaan sah berdaftar di bawah Undang-Undang Malaysia dan telah beroperasi sekurang-kurangnya 6 bulan semasa memohon; dan <p>Terdapat 2 skim yang ditawarkan melalui SKMS iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. SKMS 1: Individu di bawah Kategori B40 (pengesahan B40 mestilah disokong dengan dokumen dari pihak berkaitan). ii. SKMS 2: Usahawan mikro, kecil dan sederhana termasuk persatuan dan koperasi.
3	Berapakah jumlah pembiayaan yang boleh dipohon dan berapa lamakah tempoh pembiayaan ditawarkan?	<ul style="list-style-type: none"> i. SKMS 1: Jumlah minimum pembiayaan dari RM1,000 sehingga maksimum RM10,000 dan tempoh pembiayaan minimum ialah 1.5 tahun dan maksimum 3.5 tahun (termasuk tempoh moratorium 6 bulan). ii. SKMS 2: Jumlah minimum pembiayaan dari RM5,000 sehingga maksimum RM50,000 dan tempoh pembiayaan minimum ialah 1.5 tahun dan maksimum 5.5 tahun (termasuk tempoh moratorium 6 bulan).
4	Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan?	<ul style="list-style-type: none"> i. SKMS 1: Tidak dikenakan sebarang kadar keuntungan (0%) ii. SKMS 2: Sebanyak 4% kadar keuntungan dikenakan. Namun ia hanya dikenakan bermula pada ansuran bulan ke-43 hingga tamat tempoh/selesai pembiayaan (mana-mana terdahulu).
5	Apakah keistimewaan skim ini?	Keistimewaan Skim Mikro Kredit Sarawak adalah pemberian moratorium 6 bulan secara automatik ke atas pembayaran ansuran bulanan.
6	Bilakah permohonan pembiayaan boleh dikemukakan?	Permohonan boleh dibuat bermula dari 1 April 2020.
7	Dimanakah saya boleh mendapatkan keterangan lanjut dan borang permohonan?	<p>Untuk keterangan lanjut sila hubungi kami di talian Hotline 082-429077 atau 082-410126.</p> <p>Borang permohonan boleh di muat turun melalui laman sesawang Agrobank www.agrobank.com.my di bahagian Info Terkini di laman utama.</p>

NO	SOALAN	JAWAPAN
8	Dimanakah borang yang lengkap diisi boleh dikembalikan?	<p>Pelanggan boleh melawat mana-mana Cawangan Bank berdekatan di Sarawak.</p> <p>Walaubagaimanapun semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), barang dan dokumen lengkap permohonan boleh dikemukakan melalui emel sarawakmicro@agrobank.com.my</p>
9	Apakah dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan?	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan atau Lesen Perniagaan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang sah; ✓ Salinan Kad Pengenalan semua Pengarah / Pemilik Tunggal / Rakan Kongsi; ✓ Penyata Akaun Bank untuk 6 bulan terkini; ✓ Lain-lain dokumen sokongan tambahan sekiranya diperlukan oleh pihak Bank. Sila rujuk Senarai Semak Dokumen yang disediakan di laman sesawang kami. ✓ Bagi peniaga di pasar minggu/ tamu, pemohon perlu melampirkan pengesahan daripada pihak berkuasa tempatan/ kawasan bermiaga (kad pengenalan perniagaan dan sebagainya).
10	Adakah pembiayaan ini memerlukan sebarang cagaran atau jaminan?	<ul style="list-style-type: none"> ● Sebarang cagaran atau jaminan tidak diperlukan. Walaubagaimanapun, seorang perujuk (referral) diperlukan untuk permohonan SKMS 2 sahaja. ● Perujuk (referral) boleh terdiri dikalangan Pengurus persatuan/pertubuhan atau mana-mana pegawai yang dilantik, jika pelanggan bukan ahli persatuan atau dari mana-mana pertubuhan, maka perujuk boleh diambil dari ahli keluarga terdekat.
11	Adakah kos takaful dan kos suratcara perundangan boleh dibayai melalui pembiayaan ini?	Ya, kos takaful dan kos suratcara pembiayaan boleh dibayai melalui pembiayaan ini kecuali kos pembukaan Akaun Simpanan di Agrobank.
12	Adakah pembiayaan ini boleh digunakan untuk menjelaskan hutang pinjaman atau pembiayaan lain (refinancing)?	<p>Pembiayaan ini khas untuk membiayai modal tetap dan modal pusingan perniagaan sahaja.</p> <p>“Refinancing” atau penggunaan pembiayaan untuk menjelaskan hutang pinjaman atau pembiayaan lain adalah tidak dibenarkan.</p>
13	Adakah kakitangan Bank atau ahli keluarga kakitangan layak memohon?	Ya, layak memohon namun permohonan tertakluk kepada polisi dan syarat-syarat semasa Bank.
14	Adakah pihak pelanggan layak untuk memohon pembiayaan skim ini di Agrobank setelah mendapat pembiayaan di SEDC?	Tidak. Setiap pelanggan hanya layak untuk mendapatkan pembiayaan di salah satu Institusi sahaja.
15	Adakah pihak Bank akan mengambil tindakan undang-undang sekiranya pihak pelanggan tidak mampu membuat bayaran pembiayaan kerana kematian atau perniagaan terjejas akibat COVID19?	<p>Sekiranya berlaku kematian maka pembiayaan pelanggan akan dilindungi oleh takaful kredit dengan syarat pelanggan mengambil pelan takaful kredit tersebut.</p> <p>Sekiranya berlaku ketidakmampuan pelanggan untuk membuat bayaran disebabkan perniagaan terjejas kesan daripada COVID-19 maka pihak Bank akan mengambil tindakan penstrukturran dan penjadualan semula pembiayaan tersebut mengikut kesesuaian aliran tunai pelanggan.</p>
16	Adakah Bank membenarkan lebih dari 1 permohonan dalam satu keluarga? (Contohnya: Ayah dan anak masing-masing memohon pembiayaan skim ini)	Ya, ianya dibenarkan dengan syarat perniagaan ayah dan anak adalah entiti perniagaan berasingan dan didaftarkan secara berasingan. Pelanggan haruslah menunjuk bukti melalui salinan pendaftaran perniagaan atau lessen perniagaan atau lain-lain dokumen yang berkaitan.

Dikemaskini pada
29 April 2020

